



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu 09/2010 (28 Februari hingga 06 Mac 2010)

Sejumlah 1,074 kes dengan 3 kematian dilaporkan bagi tempoh 28 Februari hingga 06 Mac 2010, berbanding 1,121 kes dengan 6 kematian pada minggu sebelumnya, penurunan sebanyak 4%. Terdapat tujuh (7) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Kedah (250%), Perlis (100%), Perak (81%), Kelantan (56%), WP Kuala Lumpur (33%), Pahang (23%) dan Sabah (2%) seperti di lampiran A.

Jumlah terkumpul kes yang dilaporkan tahun ini adalah berjumlah 9,423 kes dengan 34 kematian berbanding 10,916 kes dengan 30 kematian bagi tempoh yang sama tahun lepas. Walaupun terdapat penurunan kes sebanyak 14% berbanding tahun lepas, jumlah kematian yang dilaporkan pada tahun ini lebih adalah tinggi dan keadaan ini amat membimbangkan.

Bagi ketiga-tiga kes kematian denggi, sebab kematian adalah komplikasi demam denggi iaitu "*Dengue Shock Syndrome*". Pemeriksaan yang dijalankan di kawasan rumah kes-kes berkenaan menunjukkan tahap pembiakan Aedes yang tinggi iaitu di antara 6% hingga 20%. Untuk makluman, 2 daripada 3 kematian denggi yang dilaporkan adalah berlaku dari kawasan wabak.

Daripada pemantauan KKM, masih terdapat lokaliti “hot spot” baru yang menjadikan jumlah keseluruhan kepada 71 lokaliti “hot spot” pada minggu lepas, meningkat sebanyak 16 lokaliti “hot spot” berbanding minggu sebelumnya iaitu 55 lokaliti “hot spot” (Lampiran C). Lebih membimbangkan 50.7% atau 36 dari 71 “hot spot” yang telah mengalami wabak melebihi sebulan dan mempunyai kadar pembiakan *Aedes* yang tinggi (Lampiran D). Hanya 17% (12) aktiviti gotong-royong dilaksanakan daripada 71 aktiviti yang disasarkan. Ini menunjukkan kerjasama masyarakat dalam membersihkan persekitaran khususnya menghapuskan tempat pembiakan *Aedes* masih sukar diperolehi. Perlu ditegaskan, semburan kabus racun serangga semata-mata tidak akan dapat menghentikan wabak denggi. Selagi tempat pembiakan *Aedes* tidak dimusnahkan, selagi itu risiko jangkitan denggi akan tetap berlaku. Sebab itu, penglibatan dan penyertaan masyarakat secara serius dan menyeluruh amat penting bagi menangani masalah denggi ini.

Bagi Penyakit Chikungunya, sejumlah 16 kes Chikungunya telah dilaporkan pada minggu lepas, menunjukkan penurunan sebanyak 27% berbanding dengan minggu sebelumnya iaitu 22 kes. Kesemua iaitu 16 kes dilaporkan dari Sarawak. Terdapat 3 lokaliti wabak dilaporkan yang juga berlaku di Sarawak.

Dengan peningkatan kes kematian akibat demam denggi dan juga lokaliti “hot spot”, masyarakat diseru supaya sentiasa menitikberatkan soal kebersihan kawasan sekeliling tempat tinggal dan mengambil langkah yang serius untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk *Aedes*. Luangkan masa 10 minit bagi mengesan dan menghapuskan tempat atau bekas pembiakan nyamuk *Aedes* di dalam dan luar rumah kediaman sekurang-kurangnya seminggu sekali. Sekiranya ada di

kalangan mereka mengalami demam, dapatkan rawatan dengan segera, samada di klinik atau hospital terdekat.

Bagi Pengamal Perubatan yang merawat pesakit, mengesan Demam Denggi pada peringkat awal boleh menyelamatkan nyawa pesakit. Garis panduan untuk mengesan Demam Denggi serta cara merawatnya (*Clinical Practice Guidelines Management of Dengue Infection in Adults, 2nd Edition*) boleh diperolehi dari laman web www.moh.gov.my.

(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

9 Mac 2010

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 09/2010
(28 Februari hingga 06 Mac 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 09/2010	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 09/2009
		Minggu 09 (28 Feb – 06 Mac 2010)	Minggu 08 (21 – 27 Feb 2010)		
1	Perlis	4	2	29	31
2	Kedah	14	4	83 (1)	285
3	P. Pinang	23	34	238 (2)	577
4	Perak	65	36	284	996
5	Selangor	496 (2)	583 (3)	4,360 (19)	5,693 (21)
6	WPKL & Putrajaya	154	116 (1)	914 (2)	982 (4)
7	N. Sembilan	31	50 (1)	491 (1)	201 (2)
8	Melaka	4	7	78 (1)	138
9	Johor	45 (1)	50	528 (1)	553 (2)
10	Pahang	38	31	245 (1)	248
11	Terengganu	23	28	212	239
12	Kelantan	28	18	171	324
13	Sarawak	100	114 (1)	1,318 (5)	415
14	Sabah	49	48	465 (1)	225 (1)
15	WP Labuan	0	0	7	9
	Jumlah	1,074 (3)	1,121 (6)	9,423 (34)	10,916 (30)

Nota: () Kematian

**JUMLAH KES CHIKUNGUNYA YANG
DILAPORKAN PADA MINGGU 09/2010 BERBANDING MINGGU
SEBELUMNYA (08/2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul Minggu 1-9 Tahun 2010	Jumlah Terkumpul Minggu 1- 9 Tahun 2009
		Minggu 09 (28 Feb – 06 Mac 2010)	Minggu 08 (21 – 27 Feb 2010)		
1	Perlis	0	0	0	14
2	Kedah	0	0	0	30
3	P. Pinang	0	1	1	47
4	Perak	0	1	1	205
5	Selangor	0	1	10	229
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	52
7	N. Sembilan	0	0	0	22
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	0	0	1	89
10	Pahang	0	0	1	52
11	Terengganu	0	0	1	30
12	Kelantan	0	0	2	241
13	Sarawak	16	16	405	1
14	Sabah	0	0	4	0
15	WP Labuan	0	3	6	0
	MALAYSIA	16	22	432	1,012

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” SEHINGGA 06 MAC 2010 (Mg 09)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MPSJ	PJS 9	17	109
2	SELANGOR	MBPJ	Flat Desa Mentari PJS 6	24	99
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Flat A	59	86
4	SELANGOR	MPSJ	SS 18	63	85
5	SELANGOR	MPSJ	USJ 2	18	76
6	SELANGOR	MPSJ	USJ 11	62	75
7	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Sri Ayu Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	39	69
8	SELANGOR	Gombak	Kg Wira Damai	15	68
9	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Flat D	88	67
10	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Teres A	26	63
11	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Teres B	74	63
12	SELANGOR	Gombak	Taman Samudera Timur	16	63
13	SELANGOR	MPAJ	AU5D Taman Keramat (Zon A)	8	60
14	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7E B	54	60
15	SELANGOR	MBPJ	Mentari Court PJS 8	20	58
16	SELANGOR	MPSJ	SS 14	22	57
17	SELANGOR	Gombak	Kg Desa Aman	20	56
18	SELANGOR	Hulu Langat	Kuarters Penjara	20	55
19	SELANGOR	Gombak	Taman Sri Gombak Fasa 9	15	52
20	SELANGOR	MBPJ	Apartment Suria Mas PJS 10	10	50
21	SELANGOR	MBPJ	Flat Desaria PJS 5	32	48
22	SELANGOR	MPSJ	Taman Universiti Indah 1	9	46
23	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 1 Bandar Rinching	9	41
24	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Flat B	12	41
25	SELANGOR	MBSA	Kolej Jati	11	40

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
26	SELANGOR	MBSA	Seksyen 7D	9	40
27	SELANGOR	MBPJ	Flat Taman Sri Manja PJS 3	13	39
28	SELANGOR	MPAJ	Taman Melawati (Zon 5)	15	38
29	SELANGOR	MPSJ	Bandar Kinrara (6)	10	38
30	SELANGOR	MPAJ	Pandan Indah (Zon B Episod B)	10	38
31	SELANGOR	MPAJ	Taman Permata (Zon A)	6	38
32	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment 16C Seksyen 16 Bandar Baru Bangi	13	37
33	SELANGOR	MBPJ	Sri Manja Court PJS 3	16	36
34	SELANGOR	MPS	Taman Tun Teja	6	35
35	SELANGOR	MPSJ	Taman Sedang Perdana (SP 5)	17	33
36	SELANGOR	MPAJ	Taman Dagang Jaya (Zon A)	9	32
37	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Cheras Awana	10	32
38	SELANGOR	MBPJ	Flat Sri Meranti SD 13 PJU 9	8	31
39	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Seksyen 3 Bandar Teknologi	5	31
40	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 2 Bandar Rinching	7	30
41	SELANGOR	MPAJ	Taman Bukit Teratai (Zon C)	8	30
42	WPKL	CHERAS	PPR Taman Mulia	21	60
43	WPKL	CHERAS	PPR Desa Tun Razak	10	54
44	WPKL	CHERAS	Flat Sri Melaka.	6	32
45	WPKL	SETAPAK	Taman Setapak Jaya (Jalan Rejang 4-10)	14	53
46	WPKL	SETAPAK	Keramat Wangsa Kelumpuk Kuang, Teratai, Menara Merak kayangan.	13	44
47	WPKL	SETAPAK	PPR Air Panas	8	48
48	WPKL	SETAPAK	Keramat Wangsa Kelumpuk Sunding Malam Bunga Raya	5	30
49	WPKL	PUSAT BANDAR	Bandar Baru sentul (Menara Orkid)	15	50
50	WPKL	PUSAT BANDAR	Flat Sri Selangor	49	38

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
51	WPKL	KLANG LAMA	PPR Kg Limau	8	33
52	JOHOR	MPJBT	Taman Desa Cemerlang Rumah Pangsa, Pelentong.	39	77
53	JOHOR	MBJB	Taman Gembira, Tebrau.	12	73
54	JOHOR	MBJB	Larkin Jaya, Bandaraya	12	34
55	JOHOR	MPPG	Apartment Tg Putri Resort, Pelentong.	8	46
56	JOHOR	MBJB	Kg Melayu Majidee, Bandaraya	7	41
57	JOHOR	MBJB	Kondo Bukit Saujana Bandaraya JB	13	50
58	JOHOR	MBJB	Taman Scientex Jalan Serindit, Pelentong	12	68
59	SARAWAK	MIRI	Kg Baru Jalan Anting 2	36	69
60	SARAWAK	MIRI	Pujut Tanjung Batu, Lorong 1C	15	82
61	SARAWAK	MIRI	Piasau Utara Lorong 3B	14	93
62	SARAWAK	MARUDI	Long Teru	7	32
63	SARAWAK	BINTULU	Bandar Baru Bintulu	13	88
64	N.SEMBILAN	Seremban	Taman Marida, S'wang	10	34
65	N.SEMBILAN	Seremban	Taman Tuanku Jaafar F3	6	36
66	N.SEMBILAN	Seremban	Taman Kelab Tuanku	7	40
67	N.SEMBILAN	Seremban	Blok C Ampangan	6	33
68	N.SEMBILAN	Seremban	Taman Tunku Ampuan Najihah	5	32
69	PAHANG	Kuantan	Taman Cenderawasih	22	33
70	P.PINANG	Timur Laut	Lorong Nipah, Sungai Dua	6	37
71	TERENGGANU	KKM	Kampung Buluh Gading	36	33

**SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR PEMBIAKAN
NYAMUK AEDES YANG TINGGI BAGI MINGGU KE 9**

Bil.	Negeri	Daerah/Zon/PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	WP KL	PUSAT BANDAR	Flat Sri Selangor	21.0	21
2	SELANGOR	MBPJ	Flat Taman Sri Manja	20.0	20
3	SELANGOR	MPS	Taman Tun Teja	16.7	17
4	WP KL	SETAPAK	Taman Setapak Jaya (Jalan Rejang 4 - 10)	14.0	14
5	SELANGOR	PETALING	Seksyen 7 Teres A	12.5	13
6	JOHOR	MBJB	Kondo Bukit Saujana Bandaraya JB	8.4	8
7	SELANGOR	MPSJ	SS 18	8.3	8
8	SELANGOR	MPAJ	AU5D Tmn Keramat (Zon A)	8.3	8
9	SARAWAK	MIRI	Kg. Baru, Jln Anting 2	8.3	17
10	SELANGOR	GOMBAK	Kg. Desa Aman	7.7	8
11	WP KL	KLANG LAMA	PPR Kg. Limau	7.0	7
12	SARAWAK	BINTULU	Bandar Baru Bintulu	6.3	6
13	SARAWAK	MIRI	Piasau Utara Lorong 3B	5.0	5
14	SELANGOR	HULU LANGAT	Pangsapuri Sri Ayu Sek 4 Bandar Baru Bangi	4.9	5
15	N. SEMBILAN	SEREMBAN	Tmn. Tunku Ampuan Najihah	4.3	4
16	WP KL	CHERAS	PPR Desa Tun Razak	4.0	4
17	WP KL	SETAPAK	PPR Air Panas	4.0	4
18	WP KL	CHERAS	PPR Tmn Mulia	3.0	3
19	SELANGOR	MPSJ	USJ 2	3.0	3
20	JOHOR	MBJB	Taman Gembira, Tebrau	3.3	3
21	SELANGOR	MPAJ	Taman Dagang Jaya (Zon A)	2.9	3
22	JOHOR	MBJB	Larkin Jaya, Bandaraya	2.6	3
23	JOHOR	MPJBT	Taman Desa Cemerlang Rumah Pangsa, Pelentong	2.5	2
24	SELANGOR	MBSA	Kolej Jati	2.4	2
25	SELANGOR	HULU LANGAT	Apartment 16C Seksyen 16 Bandar Baru Bangi	2.3	2
26	SELANGOR	PETALING	Seksyen 7 Teres B	2.2	2
27	JOHOR	MBJB	Kg. Melayu Majidee, Bandaraya	2.1	2

Bil.	Negeri	Daerah/Zon/PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
28	NEGERI SEMBILAN	SEREMBAN	Taman Kelab Tuanku	2.1	2
29	SELANGOR	PETALING	Seksyen 7E B	2.0	2
30	NEGERI SEMBILAN	SEREMBAN	Blok C Ampangan	1.8	2
31	SELANGOR	HULU LANGAT	Seksyen 1 Bandar Rinching	1.8	4
32	NEGERI SEMBILAN	SEREMBAN	Taman Tuanku Jaafar F3	1.7	2
33	SELANGOR	MPSJ	USJ 11	1.4	1
34	SELANGOR	PETALING	Seksyen 7 Flat D	1.2	1
35	SELANGOR	MPSJ	Taman Universiti Indah	1.2	1
36	WP KL	CHERAS	Flat Sri Melaka	1.0	1